

Headline **Khidmatjalur lebar perlu hingga ke pedalaman**
Date **17. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **10**
Section **Dlm Negeri** Article Size **295** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Khidmat jalur lebar perlu hingga ke pedalaman

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL**
(WARTAWAN UTUSAN)

JIKA dibandingkan dengan tempoh pengenalan perkhidmatan Internet di negara ini iaitu kira-kira 15 tahun lalu, jumlah 18 peratus kadar penembusan jalur lebar di kalangan rakyat sehingga kini bukanlah satu pencapaian yang membanggakan.

Apatah lagi di sebalik sekian banyak rancangan berimpak tinggi yang dilancarkan kerajaan dalam usaha merapatkan jurang digital di kalangan rakyat, kadar itu masih dianggap rendah untuk disimpulkan sebagai salah satu usaha yang berjaya.

Ini kerana ia agak jauh jika hendak dibandingkan dengan negara seperti Singapura (78 peratus) atau Korea Selatan (93 peratus) yang menjadi pendahulu dunia dalam kadar penembusan jalur lebar.

Kepentingan untuk menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta dilengkapi rangkaian jalur lebar terbaik adalah kerana ia telah menjadi tanda aras utama kepada mana-mana negara yang hendak mencapai status negara maju.

Dalam konteks yang lebih luas, kepesatan kemajuan ICT juga mempengaruhi kecekapan pengurusan dan pentadbiran kerajaan, sekali gus mendorong keyakinan di kalangan pelabur asing untuk menyuntik modal dalam pelbagai sektor di negara ini.

Justeru, apabila kerajaan mengumumkan kesinambungan projek untuk mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar, ia adalah satu pelan pembangunan yang ditunggu oleh semua termasuk rakyat serta sektor awam dan swasta.

Namun, seiring dengan perkembangan pesat sektor ICT dan telekomunikasi, isu dan cabaran yang perlu didepani tidak lagi sama seperti awal pengenalan perkhidmatan ini dahulu.

Hakikat yang perlu disedari, persaingan dalam dunia jalur lebar ketika ini bukan lagi kepada kemampuan untuk menyediakan laluan (*gateway*) kepada Internet, tetapi bera- pa pantas dan mudah perkhidmatan itu boleh diakses oleh pengguna.

Menjadikan cabaran itu lebih besar apabila kepantasan capaian Internet tersebut tidak hanya terhad kepada pengguna di bandar, malah turut meliputi penduduk di pedala-

man yang ironinya ketika ini masih ramai lagi yang tidak pun memiliki capaian kepada perkhidmatan jalur lebar berkenaan.

Dalam berdepan dengan cabaran itu, antara teknologi yang dilihat paling tepat adalah dengan beralih kepada perkhidmatan Internet secara talian tetap kepada tanpa wayar atau juga disebut sebagai Wi-Fi dan Wi-Max.

Menawarkan

Teknologi berasaskan isyarat gelombang itu bukan sahaja lebih murah dan praktikal, malah menawarkan perkhidmatan jalur lebar yang sangat pantas iaitu sehingga 11 Megabit sesaat (Mbps).

Dengan pengenalan dua lagi spektrum untuk perkhidmatan Wi-Fi dalam masa terdekat, kepantasan kepada capaian Internet menerusi teknologi tanpa wayar itu diramal mencecah antara 22-54 Mbps.

Teknologi itu yang menepati istilah sebenar jalur lebar iaitu disambungkan ke Internet pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja meskipun sudah ditawarkan di ban-

dar-bandar besar terutamanya di Lembah Klang, namun belum dikomersialkan sepenuhnya.

Malah, perkhidmatan jalur lebar itu juga tidak mencapai standard apabila sering mendapat rungutan daripada pengguna seperti sambungan yang tidak konsisten, perpindahan data yang perlahan dan caj perkhidmatan yang tidak setimpal.

Pengguna di negara ini juga tidak mempunyai banyak pilihan kepada perkhidmatan jalur lebar terutamanya WiMax meskipun lesen untuk menyediakan perkhidmatan itu telah diberikan kepada empat syarikat sejak setahun lalu.

Memandangkan kejayaan aplikasi perkhidmatan jalur lebar ini bergantung sepenuhnya kepada kemampuannya menawarkan perkhidmatan yang pantas dan mudah, ia tidak akan membantu negara sekiranya isu-isu seperti yang disebut masih lagi membelenggu pengguna.

Justeru, peruntukan sebanyak RM11.3 bilion seperti yang diumumkan kerajaan tidak seharusnya meletakkan sasaran penembusan jalur lebar bagi isi rumah sehingga 50 peratus pada 2020 semata-mata, tetapi tu-

rut mengambil kira aspek kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam memperkatakan tentang peralihan gaya hidup digital kepada teknologi jalur lebar itu juga, satu perkara yang tidak seharusnya dilepas pandang adalah teknologi yang dibangunkan oleh Mimos Bhd. yang dikenali sebagai WiWi.

WiWi yang merupakan kombinasi teknologi Wi-Fi dan WiMax merupakan teknologi alternatif kepada pengguna jalur lebar untuk menikmati capaian kepada Internet dengan lebih mudah, murah dan stabil.

Dengan kelebihan lain antaranya menyokong protokol Internet (IP) IPV6 iaitu protokol generasi masa depan yang pelbagai guna, WiWi turut menempa standard teknologi setaraf dengan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa lain.

Pengkomersialan teknologi WiWi juga pastinya meningkatkan imej negara sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan teknologi ICT dan telekomunikasi sekali gus membantu hasrat negara dalam menjadi hab sektor itu di rantau ini.